

**ANALISIS PERBANDINGAN KERANGKA PERUNDANGAN DAN PEMAKAIAN
KETERANGAN DIGITAL DI MAHKAMAH SYARIAH DAN MAHKAMAH SIVIL
DI MALAYSIA**

***A COMPARATIVE ANALYSIS OF LEGAL FRAMEWORKS AND THE APPLICATION
OF DIGITAL EVIDENCE IN MALAYSIA'S SYARIAH AND CIVIL COURTS***

ⁱ. Nurul Rafeeqa Afdul Mutolip, ⁱ. Mervyn @ Hasan Sainy, ⁱⁱ. Suhaizad Saifuddin

ⁱ Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800, Nilai,
Negeri Sembilan, Malaysia

ⁱⁱ. Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor,
Malaysia

ABSTRACT

The advancement of digital technology has revolutionized legal systems, particularly in the acceptance and application of digital documentary evidence in courts. This study aims to conduct a comparative analysis of the application of digital documentary evidence in the Civil Courts and Shariah Courts in Malaysia by examining the legislative frameworks and evidentiary principles employed by both legal systems. The methodology of this study employs a qualitative approach with document analysis of substantive legal provisions, including the Evidence Act 1950, Shariah Court Evidence Enactments, and selected case decisions from both jurisdictions. The findings indicate that while both court systems accept digital documents as evidence, there are significant differences in terms of the degree of acceptance, evidentiary standards, and authentication verification procedures. The study also reveals that the integrity of digital evidence is increasingly threatened by the emergence of Artificial Intelligence (AI) and deep-fake technologies, which can manipulate multimedia elements, thereby complicating the authentication verification process. In conclusion, this study proposes a harmonization process of the Shariah Court legal framework with the Evidence Act 1950, accompanied by the enhancement of technical guidelines for digital document verification and improvements to specific legal provisions to address contemporary technological challenges. These measures are expected to ensure that digital evidence is recognized consistently and effectively in Shariah Courts.

Keywords: Evidence, Digital Evidence, Civil Courts, Shariah Courts, Legal Harmonization

ABSTRAK

Kemajuan teknologi digital telah merevolusikan sistem perundangan, terutamanya dalam aspek penerimaan dan penggunaan keterangan dokumen digital di mahkamah. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis secara perbandingan pemakaian keterangan dokumen digital di Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah di Malaysia dengan meneliti rangka kerja perundangan dan prinsip pembuktian yang diguna pakai oleh kedua-dua sistem perundangan tersebut. Metodologi kajian ini dilaksanakan melalui pendekatan kualitatif dengan analisis dokumen terhadap peruntukan undang-undang substantif termasuk Akta Keterangan 1950, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah, serta keputusan-keputusan kes terpilih dari kedua-sistem. Dapatan kajian menunjukkan bahawa walaupun kedua-dua sistem mahkamah menerima dokumen digital sebagai alat bukti, terdapat perbezaan signifikan dari segi tahap penerimaan, standard pembuktian, dan prosedur verifikasi ketulenan. Kajian ini juga mendedahkan bahawa integriti keterangan digital semakin terancam dengan kemunculan teknologi *Artificial Intelligence* (AI) dan *deepfake* yang mampu memanipulasi elemen multimedia sehingga menyukarkan proses pengesahan kesahihan. Sebagai penutup, kajian ini mencadangkan proses harmoni kerangka perundangan Mahkamah Syariah dengan Akta Keterangan 1950, disertai dengan pemerkasaan garis panduan teknikal untuk pengesahan dokumen digital dan penambahbaikan peruntukan undang-undang khusus bagi menangani cabaran teknologi semasa. Langkah-langkah ini diharapkan dapat memastikan keterangan digital diiktiraf secara konsisten dan efektif di Mahkamah Syariah.

Kata kunci: *Pembuktian, Keterangan digital, Mahkamah Sivil, Mahkamah Syariah*

Pengenalan

Kemajuan pesat teknologi maklumat dan komunikasi telah mengubah landskap sistem perundangan global (Suhaizad *et al.*, 2025). Perubahan ini lebih ketara apabila seluruh negara melanda wabak Covid-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Malaysia di mana pergerakan bebas dihadkan (Masum, Ahmad, & Nafees, 2021). Walau bagaimanapun, Badan Kehakiman Malaysia sivil telah menyesuaikan infrastruktur dan sistem Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) di mana bagi kes sivil dan komersial, sistem pemfailan elektronik mahkamah Malaysia bagi dokumen dan kertas kausa terus beroperasi seperti biasa (Zakariya, 2020). Pendengaran dan rayuan di mahkamah sivil telah didengar melalui pertukaran e-mel, sistem e-Review, persidangan video dan rakaman secara langsung (Zakariya, 2020). Selaras dengan arus teknologi, Mahkamah Syariah Sabah misalnya melalui Garis Panduan Perbicaraan Kes mahkamah syariah Negeri Sabah menetapkan Prosiding Atas Talian boleh dibuat melalui aplikasi IceWarp4.MyGovuc (JKSNS Sabah: 28 Januari 2021)(Mahmud & Buang, 2022).

Selain itu juga, sejajar dengan perkembangan teknologi, dokumen elektronik seperti e-mel, mesej WhatsApp, transaksi perbankan atas talian, tandatangan digital dan rekod digital lain semakin banyak digunakan sebagai bukti dalam prosiding mahkamah. Oleh itu, keperluan untuk menjamin kebolehpercayaan dokumen digital di mahkamah menjadi faktor penting dalam menentukan sama ada dokumen tersebut boleh diterima sebagai alat bukti (Wan Ismail *et al.*, 2023) terutama sekali dengan kemajuan teknologi seperti kewujudan *Deep Fake* yang boleh menjejaskan ketulenan sesuatu bukti yang bersifat digital (Mahmod & Buang, 2022). Perkembangan teknologi moden menuntut sistem perundangan menyesuaikan diri dengan realiti baharu dunia digital (Merriam-Webster, 2024).

Sistem undang-undang Islam menunjukkan keseimbangan yang unik antara prinsip tradisional dan keperluan moden. Ia berbeza dengan sistem perundangan lain seperti *common law* tetapi tetap berkongsi beberapa nilai asas, seperti keperluan untuk memastikan kesaksian yang adil dan pembuktian yang kukuh. Keadilan dalam Islam menuntut pendekatan yang menyeluruh dan berhati-hati dalam semua aspek pentadbiran undang-undang. Penegasan terhadap pentingnya pembuktian yang tepat dan darjah pembuktian yang sesuai adalah asas bagi menjamin keadilan. Prinsip ini memastikan integriti sistem perundangan Islam terus terpelihara. Dengan menekankan nilai keadilan sejagat ini, Islam membuktikan bahawa ia relevan dan sesuai untuk diterapkan dalam konteks perundangan moden.

Perbezaan bidang kuasa antara mahkamah sivil dan mahkamah syariah membawa kepada perbezaan dalam peraturan dan prinsip yang diguna pakai dalam menilai kesahihan serta kredibiliti keterangan digital. Mahkamah Sivil di seluruh Malaysia terikat dengan Akta Keterangan 1950 yang menggariskan syarat-syarat khusus bagi penerimaan dokumen digital. Sebaliknya, mahkamah syariah yang berlandaskan prinsip undang-undang Islam mempunyai pendekatan tersendiri dalam menilai keterangan, termasuk keperluan pematuhan kepada Hukum Syarak dan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah. Walau bagaimanapun, terdapat juga beberapa peruntukan dalam undang-undang mahkamah syariah yang mengambil prinsip daripada sistem perundangan sivil sebagai panduan, lalu disesuaikan dengan ajaran Islam melalui proses harmoni dan islamisasi perundangan (Saifuddin, Markom, & Muhamad, 2019). Namun, persoalan utama yang timbul adalah sejauh mana mahkamah mengiktiraf dan menggunakan dokumen digital sebagai keterangan yang sah dan boleh diterima dalam prosiding perundangan.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis perbezaan dalam pemakaian keterangan dokumen digital di antara mahkamah sivil dan mahkamah syariah, dengan memberi tumpuan kepada peruntukan undang-undang yang terpakai dan prinsip perundangan yang diamalkan. Dengan memahami perbezaan ini, kajian ini diharap dapat memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai keberkesanan serta keadilan dalam penggunaan keterangan digital di kedua-dua mahkamah, sekali gus mencadangkan langkah-langkah ke arah penyeragaman dan penambahbaikan sistem perundangan di Malaysia melalui proses harmoni dan Islamisasi perundangan.

SOROTAN LITERATUR

Konsep Dokumen Digital

Dokumen digital merupakan salah satu bentuk teknologi maklumat yang semakin berkembang dan boleh dijadikan sebagai kaedah pembuktian dalam prosiding mahkamah. Secara umumnya, penggunaan dokumen digital di mahkamah dapat membantu membuktikan atau mensabitkan seseorang dalam sesuatu kes, selain membebaskan individu yang tidak bersalah (Ismail, 2016). Tambahan pula, selaras dengan perubahan zaman, dokumen digital kini semakin menjadi rujukan utama dalam pelbagai urusan dan mula menggantikan dokumen tradisional yang bergantung kepada pen dan kertas sahaja (Ismail, 2016). Masyarakat juga semakin menerima penggunaan dokumen digital dalam kehidupan seharian, seperti perbankan atas talian, pemindahan wang, permohonan pekerjaan dan lain-lain, kerana ia lebih pantas dan menjimatkan masa sesuai dengan perkembangan teknologi.

Menurut Mohammad Ismail (2006), dokumen digital secara umum merujuk kepada sebarang maklumat pembuktian yang disimpan, direkodkan, atau disampaikan dalam bentuk elektronik, dan boleh dikemukakan di mahkamah sebagai bukti bagi menyokong atau menolak sesuatu dakwaan. Hal ini kerana dokumen tidak lagi terbatas kepada bahan bercetak atau yang hanya direkodkan secara fizikal, sebaliknya dokumen elektronik seperti rakaman daripada sistem televisyen litar tertutup (CCTV), foto, video digital, disket, cakera padat, dan data daripada internet juga termasuk dalam definisi dokumen (al-Zanibat, 2005). Selain itu, pita rakaman, contohnya, boleh digunakan sebagai bukti di mahkamah sekiranya ia telah melalui prosedur berikut, iaitu pemeriksaan terperinci yang menunjukkan bahawa pita tersebut tidak diubah daripada versi asal, peranti rakaman yang digunakan masih dalam keadaan baik, dan ia juga masih boleh digunakan dengan sempurna (Paul, 2010).

Selain itu, *Very Large Scale Integration* (VLSI), cakera keras, (SDD), kamera digital, telefon bimbit, pengimbas, kad SDD, jalur sokongan, mesin fotostat, pencetak, komputer, cakera padat (CD), cakera video digital (DVD), rangkaian internet, cakera video padat (VCD), perisian, dan Common Gateway Interface (CGI) adalah sumber atau contoh bukti digital elektronik (Mohamad Ismail Hj. Mohamad Yunus, 2006).

Keterangan Dokumen Menurut Perspektif Islam

Dalam sistem perundangan Islam, dokumen tidak hanya dianggap sebagai alat bantu, tetapi sebagai satu bentuk pembuktian yang mempunyai asas yang kukuh secara nas. Al-Quran secara jelas menganjurkan pendokumentasian dalam urusan muamalat bagi menjamin ketelusan dan mengelakkan pertikaian. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu”

(Surah Al-Baqarah, 2:282)

Ayat ini menjadi asas utama yang meletakkan prinsip pencatatan dan pendokumentasian sebagai satu tuntutan dalam memelihara hak dan keadilan. Prinsip ini tidak terhad kepada urusan hutang-piutang semata-mata, malah boleh diluaskan skopnya kepada konteks pembuktian perundangan kontemporari, di mana dokumen berperanan sebagai alat bukti yang objektif. Pelaksanaan dan penerimaan sebarang bentuk keterangan, termasuk dokumen, dalam proses keadilan mestilah berteraskan prinsip keadilan yang menjadi teras Syariah Islamiyyah. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Wahai orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi orang yang selalu menegakkan (kebenaran) kerana Allah, menjadi saksi yang adil. Dan janganlah sekali-kali kebencian mu terhadap sesuatu kaum mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah, kerana (adil) itu lebih dekat kepada takwa”

(Surah Al-Maidah, 5:8).

Ayat ini menegaskan kewajipan untuk berpegang kepada keadilan tanpa dipengaruhi oleh sebarang prasangka, justeru membolehkan dokumen elektronik yang sah berperanan sebagai alat untuk mencapai ketepatan dan kesaksamaan dalam penghakiman.

Rasulullah SAW juga telah memberikan panduan yang jelas tentang tanggungjawab seorang hakim dalam menilai bukti. Sabda Baginda yang bermaksud:

“Sesungguhnya aku adalah manusia, dan sesungguhnya kamu yang bertikai di hadapanku, boleh jadi sebahagian dari kamu lebih pintar berhujah daripada yang satu lagi, lalu aku membuat keputusan bagi pihaknya berdasarkan apa yang aku dengar”

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Hadis ini menggariskan bahawa keputusan hakim adalah terikat dengan kekuatan hujah dan bukti yang dikemukakan di mahkamah (Azam, 2012). Oleh itu, dokumen yang sah dan boleh dipercayai, sama ada dalam bentuk tradisi atau digital, berfungsi sebagai alat yang dapat membantu hakim membuat penilaian yang lebih tepat dan saksama, seterusnya mengelakkan keputusan yang hanya berpandukan hujah semata-mata.

Maka keterangan dokumen mempunyai landasan yang kukuh dalam Islam dan penerimaannya dalam mahkamah Syariah, termasuk dalam bentuk digital, adalah selari dengan tuntutan al-Quran dan al-Sunnah bagi memastikan keadilan ditegakkan.

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis dokumen. Menurut Glenn Bowen (2009), analisis dokumen dikenali sebagai prosedur sistematik untuk mengkaji atau menilai dokumen bercetak dan elektronik. Dalam kertas kerja ini, data yang dikumpulkan dibahagikan kepada dua jenis iaitu; data primer dan data sekunder. Bagi kajian ini, data primer termasuk peruntukan daripada Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah dan Akta Keterangan 1950 dan kes-kes yang dilaporkan. Bagi Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah, rujukan dibuat kepada Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Sabah) 2004. Manakala, data sekunder adalah artikel, buku, jurnal, dan dokumen rujukan yang berkaitan. Data yang dikumpulkan kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan untuk memahami dan mengekstrak maklumat penting dan berguna daripada teks dokumen (Leavy, 2017).

PERBINCANGAN DAN DAPATAN

Peruntukan Undang-undang dan Pemakaian Keterangan Dokumen Digital di Mahkamah Syariah

Keterangan di Mahkamah Syariah Sabah adalah tertakluk di bawah Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Sabah) 2004, yang berfungsi sebagai garis panduan utama dalam penentuan kebolehterimaan bukti dan kaedah pembuktian di Mahkamah Syariah. Walaupun enakmen ini tidak memberikan perincian yang khusus mengenai definisi serta kebolehterimaan keterangan digital dari sudut prinsip Syariah secara eksplisit, namun jelas bahawa bentuk keterangan tersebut memainkan peranan penting dalam proses pembuktian bagi kes-kes mal mahupun jenayah Syariah. Keterangan digital kini dianggap sebagai bukti sokongan atau bukti pengukuh yang membantu meneguhkan fakta kes sedia ada serta memberi keyakinan tambahan kepada hakim dalam menilai sesuatu pertikaian.

Peruntukan penting yang menunjukkan pengiktirafan terhadap keterangan digital dapat dilihat melalui tafsiran “dokumen” di bawah Seksyen 3 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Sabah) 2004. Seksyen ini mentakrifkan dokumen sebagai:

“Apa-apa hal yang dinyatakan, diperihalkan, atau bagaimana jua pun digambarkan, atas apa-apa benda, bahan, barang atau artikel, termasuklah apa-apa hal yang terkandung dalam cakera, pita, filem, runut bunyi atau apa jua pun peranti lain dengan menggunakan huruf, angka, tanda, simbol, isyarat, lambang, atau apa jua bentuk pernyataan, perihalan, atau gambaran lain.”

Takrifan ini menggambarkan pendekatan yang luas dan inklusif, merangkumi bukan sahaja dokumen bertulis secara tradisional seperti surat atau kontrak, tetapi juga bahan elektronik dan digital yang dihasilkan, disimpan, atau dipindahkan melalui medium teknologi seperti cakera padat, pita rakaman, fail komputer dan visual digital.

Tambahan pula, enakmen ini menyertakan “Misalan” di bawah definisi dokumen yang dengan jelas memperluaskan tafsiran kepada pelbagai bentuk maklumat digital. Antara contoh yang disenaraikan termasuk fotograf, rakaman komunikasi telefon, rakaman visual, serta bahan yang dirakam, disimpan, diproses atau dikeluarkan oleh komputer. Peruntukan ini menunjukkan bahawa Mahkamah Syariah di Sabah telah mengiktiraf dokumen digital sebagai bukti yang sah di sisi undang-undang, selagi mana bukti tersebut memenuhi syarat-syarat kesahihan dan boleh disahkan asal-usul serta integritinya.

Selain itu, Seksyen 3 turut memperuntukkan tafsiran bagi “komputer”, iaitu “apa-apa peranti bagi merekodkan, menyimpan, memproses, mendapatkan semula atau mengeluarkan maklumat,” termasuk sebarang sistem yang berfungsi secara berangkai atau berurutan. Tafsiran ini selaras dengan prinsip teknologi neutral, iaitu undang-undang tidak membataskan bentuk peranti atau sistem yang digunakan dalam menghasilkan dokumen digital. Dengan demikian, bukti yang dikeluarkan daripada mana-mana alat elektronik, termasuk komputer, telefon pintar, atau sistem pangkalan data digital, boleh diterima sebagai bahan keterangan yang sah.

Lebih penting lagi, Huraian 3 di bawah Seksyen 49 Enakmen yang sama memberikan pengiktirafan yang lebih konkrit terhadap dokumen digital dengan menyatakan bahawa “sesuatu dokumen yang dikeluarkan oleh komputer ialah keterangan primer.” Ini bermakna, data atau dokumen yang dihasilkan terus oleh sistem komputer dianggap bukti asal (*primary evidence*) dan tidak lagi dikategorikan sebagai salinan yang memerlukan pengesahan tambahan. Peruntukan ini amat signifikan dalam konteks perundangan Syariah moden kerana ia menunjukkan penerimaan prinsip digital *authenticity* dalam sistem kehakiman Islam di Malaysia, khususnya di Sabah.

Pemakaian keterangan dokumen digital boleh dilihat dalam beberapa kes yang telah diputuskan. Dalam kes *Pendakwa Syarie v Zulkifli Bin Othman* [2013] 4 SHLR 92, Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan telah membincangkan isu pembuktian dalam kes jenayah khalwat berdasarkan bahan bukti digital dan fizikal. Tertuduh didakwa di bawah seksyen 27(a) Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 kerana disabitkan berkhalwat dengan pasangannya di sebuah bilik hotel. Mahkamah menerima keterangan saksi-saksi pendakwa syarie sebagai bukti utama yang membuktikan wujudnya perbuatan khalwat. Selain itu, mahkamah turut menerima dokumen dan bahan bukti berbentuk digital dan fizikal,

termasuk gambar yang diambil menggunakan kamera digital, peta lakar lokasi, serta bahan-bahan seperti tuala putih yang dikemukakan oleh pihak pendakwa.

Mahkamah berpandangan bahawa bukti-bukti tersebut memenuhi kehendak peruntukan seksyen 3, 48, 49, 73 hingga 77 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, sekali gus mengesahkan bahawa dokumen digital boleh diterima sebagai bahan bukti yang sah di sisi undang-undang Syariah sekiranya ia memenuhi syarat-syarat penerimaan dan kesahihan. Dapatan ini menunjukkan bahawa mahkamah Syariah telah mula membuka ruang kepada keterangan berbentuk digital dan saintifik selaras dengan perkembangan teknologi semasa, asalkan bukti tersebut disokong oleh rantai keterangan yang lengkap (chain of custody) dan disahkan oleh saksi yang berwibawa.

Sementara itu, dalam kes *PNA v NM [2020] 3 SHLR 29*, Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan telah menilai keterangan dalam konteks perbicaraan kekeluargaan (rujuk selepas perceraian). Plaintiff mendakwa bahawa lafaz rujuk telah berlaku secara lisan, namun defendan menafikan dakwaan tersebut. Mahkamah berpendapat bahawa plaintiff gagal membuktikan keterangannya kerana tiada sebarang saksi mahupun dokumen yang dapat menyokong dakwaannya. Walaupun plaintiff berhujah bahawa pengakuannya sendiri merupakan ikrar, mahkamah mendapati bahawa ikrar defendan yang disertai dengan bukti sokongan berbentuk perbualan WhatsApp adalah lebih kukuh dan diyakini. Keputusan ini memperlihatkan bahawa Mahkamah Syariah kini mengiktiraf dokumen digital seperti mesej WhatsApp sebagai bentuk keterangan sokongan yang sah sekiranya ia dapat dibuktikan keasliannya dan disahkan oleh pihak yang berkaitan. Ini juga mencerminkan penyesuaian perundangan Syariah terhadap bentuk komunikasi moden serta keperluan adaptasi kepada realiti digital dalam hubungan kekeluargaan dan pembuktian niat atau tindakan pihak-pihak.

Manakala dalam kes jenayah *Pendakwa Syarie Negeri Selangor v Khalid Bin Abdul Samad [2019] 3 SHLR 39*, isu utama adalah penerimaan rakaman video sebagai keterangan digital di Mahkamah Syariah. Mahkamah menerima rakaman tersebut sebagai keterangan yang sah (exhibit P5) atas tiga justifikasi utama: pertama, rakaman disahkan oleh saksi pendakwa (SP2) sebagai individu yang merakam kejadian; kedua, SP2 memberi keterangan bersumpah bahawa kamera dan sistem rakaman yang digunakan berfungsi dengan baik dan berada di bawah pengawasan beliau; dan ketiga, saksi lain (SP4) turut mengesahkan bahawa rakaman tersebut dibuat pada tarikh dan masa kejadian di lokasi yang sama. Melalui kes ini, mahkamah menegaskan bahawa penerimaan bahan bukti berbentuk audio-visual boleh diterima selagi mana kesahihan alat dan integriti rakaman dapat dibuktikan secara meyakinkan. Pendekatan ini menggambarkan bahawa Mahkamah Syariah tidak menolak kemajuan teknologi, bahkan bersedia menggunakannya dalam proses keadilan asalkan prinsip al-yakin la yazulu bi al-shakk (keyakinan tidak hilang dengan keraguan) tetap dipelihara.

Secara keseluruhannya, ketiga-tiga kes ini memperlihatkan trend penerimaan keterangan digital dalam sistem kehakiman Syariah di Malaysia. Walaupun terdapat variasi dalam jenis bukti sama ada gambar, mesej digital, atau rakaman video mahkamah tetap berpegang kepada prinsip bahawa bukti tersebut mesti disahkan, jelas sumbernya, dan bebas daripada manipulasi. Dapatan ini menunjukkan arah perkembangan positif ke arah pengharmonian antara keperluan pembuktian Syariah dengan kemajuan teknologi moden, seiring dengan objektif *maqasid al-syariah* untuk menegakkan keadilan dan menghindari kezaliman. Dalam amalan semasa Mahkamah Syariah di Malaysia, keterangan dokumen digital telah menjadi satu keperluan untuk menyokong pelbagai jenis kes. Menurut Azhan, Azam & Hassan (2022), dokumen digital seperti e-mel, log pesanan, dan gambar digital telah digunakan secara meluas dalam

kes-kes kekeluargaan seperti penceraian, tuntutan nafkah, dan pengesahan nikah. Malah, dalam kes-kes jenayah Syariah seperti khalwat, dokumen elektronik dalam bentuk peta lakar, gambar, dan rakaman sering dijadikan sebagai bukti sokongan yang kritikal bagi mengukuhkan dakwaan pendakwa. Penerimaan bukti sebegini adalah selaras dengan semangat Islam yang menekankan kepentingan pembuktian yang kukuh dan sahih.

Peruntukan Undang-undang dan Pemakaian Keterangan Dokumen Digital di Mahkamah Sivil

Keterangan dokumen digital dalam konteks Mahkamah Sivil di Malaysia adalah berpaksikan kepada peruntukan Akta Keterangan 1950 (Akta 56) yang menjadi sumber utama peraturan pembuktian dalam sistem perundangan sivil. Definisi “dokumen” di bawah Seksyen 3 akta ini menunjukkan pendekatan yang luas dan progresif, mencakupi bukan sahaja bahan bertulis atau bercetak, tetapi juga segala bentuk rakaman elektronik, audio, visual dan data yang dihasilkan melalui komputer atau peranti digital. Takrif ini membuktikan bahawa Akta Keterangan telah menyesuaikan diri dengan perkembangan teknologi maklumat, dengan mengiktiraf bukti yang dihasilkan melalui pelbagai medium moden seperti cakera, pita, filem, runut bunyi, dan sistem komputer.

Lebih menarik lagi, senarai misalan yang diberikan dalam Seksyen 3 memperincikan pelbagai bentuk dokumen yang boleh diterima, termasuk fotograf, rakaman telefon, rakaman video, dan data komputer. Ini menggambarkan bahawa undang-undang sivil Malaysia telah mengiktiraf bukti digital bukan sekadar sebagai bukti sokongan, tetapi sebagai dokumen yang mempunyai status hukum yang setara dengan dokumen fizikal. Pengiktirafan ini memperkukuhkan kedudukan keterangan digital sebagai elemen penting dalam proses kehakiman, khususnya dalam kes yang melibatkan transaksi elektronik, komunikasi digital, dan rakaman visual.

Selain daripada definisi yang luas, peruntukan khas di bawah Seksyen 90A, 90B dan 90C Akta Keterangan 1950 memperincikan mekanisme penerimaan dan penilaian dokumen digital di mahkamah. Seksyen 90A memperuntukkan bahawa mana-mana dokumen yang dikeluarkan oleh komputer, atau pernyataan yang terkandung di dalamnya, boleh diterima sebagai keterangan yang sah, dengan syarat ia dihasilkan dalam perjalanan penggunaan biasa komputer tersebut. Peruntukan ini juga memperkenalkan konsep “sijil komputer” sebagai bukti prima facie yang mengesahkan bahawa sistem berfungsi dengan baik dan dokumen tersebut dihasilkan tanpa sebarang manipulasi. Ini merupakan satu bentuk technological safeguard yang memastikan integriti dan keaslian bahan bukti digital. Seterusnya, Seksyen 90B memberikan panduan kepada mahkamah dalam menentukan berat keterangan (*weight of evidence*) sesuatu dokumen digital yang diterima di bawah Seksyen 90A. Faktor-faktor seperti tujuan penghasilan dokumen, masa antara kejadian dan penghasilan dokumen, serta ketepatan sumber maklumat akan diambil kira dalam menilai kredibiliti dokumen tersebut. Ini menunjukkan bahawa walaupun dokumen digital boleh diterima, penilaian terhadap kebolehpercayaannya masih tertakluk kepada ujian kehakiman yang ketat. Manakala Seksyen 90C memperkukuhkan kedua-dua peruntukan terdahulu dengan menegaskan bahawa isu kebolehterimaan dan penilaian bukti digital hendaklah hanya ditentukan berdasarkan Akta Keterangan 1950, bukan melalui undang-undang lain seperti Akta Buku Jurubank (Keterangan) 1949 atau mana-mana perundangan asing. Hal ini menjamin keseragaman standard undang-undang nasional dalam penentuan bukti digital di mahkamah Malaysia.

Di samping itu, Seksyen 136 Akta Keterangan 1950 memberikan kuasa budi bicara yang luas kepada mahkamah dalam menentukan kerelevanan dan kebolehterimaan sesuatu bahan bukti digital. Ini bermaksud, hakim boleh menilai sama ada sesuatu bukti komputer mempunyai nilai

probatif yang mencukupi untuk diterima, berdasarkan kepada keseluruhan fakta dan keterangan yang dikemukakan di mahkamah. Kuasa ini memastikan bahawa walaupun teknologi terus berubah, penilaian kehakiman tetap berteraskan prinsip keadilan dan keseimbangan antara kebolegunaan teknologi dan integriti keterangan.

Secara keseluruhannya, peruntukan Akta Keterangan 1950 memperlihatkan pendekatan perundangan sivil yang sistematik dan terperinci dalam menangani isu keterangan digital. Akta ini bukan sahaja mengiktiraf kewujudan dokumen digital sebagai bukti sah, tetapi turut menyediakan kerangka penilaian dan kawalan autentikasi yang menyeluruh. Ini menjadikan sistem pembuktian di mahkamah sivil lebih bersedia dan adaptif terhadap cabaran dunia digital, sekali gus meletakkan Malaysia seiring dengan trend global dalam penerimaan bukti elektronik.

Merujuk kepada kes *Public Prosecutor v Lee Chor Hean* [2019] 8 MLJ 427 merupakan salah satu rujukan penting yang menegaskan kepentingan pematuhan terhadap keperluan mandatori Seksyen 90A Akta Keterangan 1950 dalam penerimaan bukti digital, khususnya bukti berbentuk rakaman video daripada sistem kamera litar tertutup (CCTV). Dalam kes ini, mahkamah membebaskan tertuduh daripada pertuduhan membunuh atas alasan pihak pendakwaan gagal memenuhi syarat perundangan yang digariskan di bawah seksyen tersebut. Mahkamah berpendapat bahawa adalah wajib bagi pendakwaan untuk mengemukakan perakuan individu yang mengurus dan menyelenggarakan dekoder di lokasi rakaman, bagi membuktikan bahawa peranti tersebut berfungsi dengan baik dan digunakan dalam keadaan biasa pada masa rakaman dibuat. Kegagalan memanggil atau mengemukakan sijil individu yang bertanggungjawab terhadap operasi peranti tersebut menyebabkan rakaman video CCTV tidak memenuhi standard keterangan yang dibenarkan oleh undang-undang. Mahkamah turut menegaskan bahawa testimoni saksi tunggal (TWT1) tidak mencukupi untuk mengesahkan integriti data rakaman tanpa sokongan teknikal atau dokumentasi yang sah. Oleh itu, rakaman video (eksibit P87C, P88C dan P82) serta semua bahan bukti turunan yang dihasilkan daripadanya telah ditolak sebagai keterangan yang boleh diterima.

Dapatan ini menjelaskan bahawa Seksyen 90A Akta Keterangan 1950 bertujuan memastikan ketulenan dan kebolehpercayaan bukti digital dengan mewajibkan pihak yang mengemukakan dokumen komputer menyediakan sijil pengesahan. Sijil ini bukan sekadar formaliti, tetapi berfungsi sebagai bukti prima facie bahawa sistem komputer beroperasi dengan baik dan tidak dimanipulasikan. Prinsip ini menunjukkan bahawa mahkamah sivil Malaysia mengambil pendekatan berhati-hati dalam menilai autentikasi bukti digital, selaras dengan konsep “*best evidence rule*” iaitu hanya bukti yang paling boleh dipercayai dan tidak diragui sumbernya boleh diterima dalam prosiding.

Pendekatan ini turut diperjelaskan dalam kes *Gnanasegaran Pararajasingam v Public Prosecutor* [1997] CLJ 6, di mana mahkamah menegaskan bahawa Seksyen 90A digubal untuk menyesuaikan “*best evidence rule*” dengan realiti dunia elektronik moden. Dalam kes tersebut, bukti berbentuk transaksi perbankan elektronik diterima sebagai dokumen kerana data dimasukkan secara automatik melalui sistem komputer dalam perjalanan penggunaannya yang biasa. Mahkamah menjelaskan bahawa resit pembayaran, rekod debit dan kredit yang direkodkan dalam sistem komputer tidak dapat dilihat secara fizikal, namun apabila data tersebut dipaparkan di skrin atau dicetak, ia menjadi “dokumen” sebagaimana ditakrifkan dalam Seksyen 3 Akta Keterangan. Oleh itu, paparan skrin komputer dan cetakan (*printout*) diiktiraf sebagai bentuk dokumen yang sah, sekali gus memperluas tafsiran “dokumen” untuk meliputi bukti digital.

Kedua-dua kes ini memperlihatkan bahawa Seksyen 90A hingga 90C Akta Keterangan 1950 membentuk kerangka perundangan yang komprehensif dalam mengawal kebolehterimaan bukti digital di Mahkamah Sivil. Seksyen 90A menetapkan keperluan sijil dan keadaan penggunaan biasa komputer; Seksyen 90B menentukan berat (*weight*) bukti digital berdasarkan keaslian dan ketepatan sumber; manakala Seksyen 90C memperkukuhkan kedudukan dua seksyen sebelumnya dengan menjadikan Akta Keterangan 1950 sebagai satu-satunya rujukan yang sah untuk menentukan penerimaan bukti digital.

Cadangan Penambahbaikan

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat diperhatikan bahawa Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Sabah) 2004 telah mengambil takrifan “dokumen” secara langsung daripada Akta Keterangan 1950 [Akta 56], menunjukkan adanya unsur harmoni normatif antara sistem perundangan Sivil dan Syariah. Takrif ini jelas mencakupi bahan-bahan berbentuk digital seperti rakaman audio, visual, imej statik dan data komputer, sekali gus mengiktiraf kewujudan dokumen digital sebagai keterangan yang sah di sisi undang-undang Syariah. Namun begitu, peruntukan dalam Enakmen tersebut masih bersifat umum dan tidak memperincikan mekanisme teknikal atau prosedur autentikasi dokumen digital seperti yang dinyatakan secara terperinci dalam Seksyen 90A, 90B dan 90C Akta Keterangan 1950.

Ketiadaan peruntukan yang setara menyebabkan Mahkamah Syariah Sabah bergantung kepada budi bicara hakim dan kaedah penilaian berbentuk *qarinah* (bukti sokongan tidak langsung) untuk menentukan kebolehterimaan serta keaslian sesuatu keterangan digital. Dalam keadaan ini, bukti seperti mesej WhatsApp, rakaman video, atau imej digital boleh diterima, namun kekuatan probatifnya tertakluk kepada sejauh mana bukti tersebut dapat menimbulkan yakin (keyakinan) dalam diri hakim bahawa dokumen tersebut benar dan tidak dimanipulasi. Pendekatan ini sejajar dengan prinsip Hukum Syarak yang menekankan konsep keadilan (*‘adl*) dan kesahihan (*thubut*) dalam pembuktian. Walau bagaimanapun, tanpa panduan prosedural yang jelas mengenai cara pengesahan sumber digital contohnya keperluan sijil komputer, perakuan integriti data, atau rantai jagaan bukti (*chain of custody*) terdapat risiko bahawa penilaian bukti digital boleh menjadi tidak konsisten antara satu kes dengan kes lain.

Sebaliknya, dalam konteks Mahkamah Sivil, Akta Keterangan 1950 menyediakan struktur yang lebih menyeluruh dan saintifik bagi menilai keterangan digital melalui tiga seksyen utama, iaitu Seksyen 90A, 90B dan 90C. Seksyen 90A memperuntukkan keperluan bagi sijil komputer (*computer certificate*) sebagai prasyarat penerimaan dokumen yang dikeluarkan oleh sistem digital, bagi memastikan bahawa bukti tersebut dihasilkan dalam keadaan sistem berfungsi secara normal tanpa manipulasi. Seksyen 90B pula menetapkan bahawa mahkamah perlu menilai “berat” atau nilai probatif sesuatu dokumen digital berdasarkan faktor seperti ketepatan, tujuan penghasilan dan sumber maklumat, manakala Seksyen 90C menegaskan bahawa kebolehterimaan bukti digital hendaklah ditentukan hanya menurut Akta Keterangan, bagi menjamin keseragaman amalan kehakiman. Pendekatan sistematik ini bukan sahaja melindungi integriti bukti tetapi juga mengurangkan risiko penyalahgunaan teknologi seperti *deepfake* atau pengubahsuaian data digital.

Oleh itu, melalui perbandingan kedua-dua kerangka undang-undang ini, dapat dirumuskan bahawa Mahkamah Syariah seperti Mahkamah Syariah Sabah memerlukan pengukuhan terhadap aspek prosedural dan teknikal dalam penerimaan bukti digital. Walaupun prinsip asas penerimaan dokumen digital telah wujud dalam Enakmen, peruntukan yang lebih spesifik perlu ditambah bagi mengelakkan kekeliruan dan tidak konsisten dalam pelaksanaan undang-undang (Azmi *et al.*, 2024). Ditambah pula dengan wujudnya segelintir masyarakat yang mempunyai

sikap tidak bertanggungjawab atau individu yang mempunyai nilai moral dan agama yang rendah mendorong mereka untuk melakukan pemalsuan dokumen (Al-Mubarak, 2005).

Perkembangan teknologi moden menuntut sistem perundangan menyesuaikan diri dengan realiti baharu dunia digital. Mahkamah kini perlu bukan sahaja memahami aspek teknikal bukti digital, tetapi juga menyediakan rangka kerja perundangan yang mampu menilai kebolehterimaan dan kebolehpercayaan bukti tersebut (Suhaizad *et al.*, 2025). Antara cadangan penambahbaikan yang wajar dipertimbangkan untuk memperkasakan pemakaian Dokumen Elektronik di Mahkamah Syariah ialah:

- i. Penggubalan seksyen baharu yang menyerupai Seksyen 90A–90C Akta Keterangan 1950, dengan penyesuaian terhadap prinsip Hukum Syarak. Seksyen ini boleh memperuntukkan keperluan sijil pengesahan digital yang disahkan oleh pakar forensik teknologi atau pegawai yang berautoriti di bawah Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sabah.
- ii. Pewujudan garis panduan mengenai tatacara penerimaan dan penilaian bukti digital, termasuk pengesahan metadata, integriti fail dan proses chain of custody bagi memastikan keaslian data.
- iii. Latihan teknikal kepada hakim-hakim Syariah dan pegawai undang-undang Syariah agar lebih celik terhadap teknologi bukti digital, termasuk isu manipulasi digital seperti *deepfake*, *AI-generated content* dan *tampering evidence*.

Melalui penambahbaikan ini, sistem pembuktian di Mahkamah Syariah akan menjadi lebih selaras dengan prinsip keadilan Islam dan keperluan kontemporari, di samping memastikan pengharmonian yang lebih kukuh antara perundangan sivil dan Syariah. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan kredibiliti institusi kehakiman Syariah dalam era digital, tetapi juga memperkukuh integriti dan keseragaman sistem keadilan negara secara keseluruhan.

Kesimpulan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa meskipun kedua-dua sistem ini beroperasi dalam kerangka undang-undang yang berbeza satu berpaksikan undang-undang bertulis dan prinsip duluan kehakiman manakala satu lagi berteraskan prinsip Hukum Syarak kedua-duanya berkongsi matlamat yang sama, iaitu memastikan keadilan dan ketelusan dalam proses pembuktian. Dalam sistem sivil, Akta Keterangan 1950 (Akta 56) memperuntukkan garis panduan yang komprehensif dan teknikal mengenai kebolehterimaan keterangan digital melalui Seksyen 90A, 90B dan 90C. Ketiga-tiga seksyen ini menyediakan mekanisme jelas tentang pengesahan, keaslian, serta penilaian nilai probatif sesuatu dokumen digital. Pendekatan ini memperlihatkan kesediaan sistem sivil untuk menyesuaikan diri dengan kemajuan teknologi serta risiko manipulasi digital seperti *deepfake* dan *AI-generated content*. Sebaliknya, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Sabah) 2004 turut mengiktiraf dokumen digital sebagai bukti yang boleh diterima, namun tidak memperincikan mekanisme teknikal atau prosedural seperti yang wujud dalam Akta Keterangan 1950. Keadaan ini menyebabkan kebolehterimaan dan penilaian bukti digital di Mahkamah Syariah lebih bergantung kepada budi bicara hakim, kekuatan *qarinah* (bukti sokongan), serta keyakinan yang dapat dicapai daripada keterangan tersebut.

Walaupun pendekatan ini sejajar dengan prinsip Syariah yang menekankan keadilan, namun dalam konteks dunia digital yang semakin kompleks, pendekatan ini perlu disokong dengan kerangka perundangan yang lebih jelas dan terperinci. Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar pengharmonian undang-undang (*legal harmonisation*) antara Akta Keterangan 1950 dan

Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Sabah) diperkuat melalui penambahan peruntukan yang menyerupai Seksyen 90A–90C ke dalam Enakmen tersebut. Langkah ini boleh dilaksanakan tanpa menjejaskan prinsip Hukum Syarak, sebaliknya memperkukuh dengan elemen autentikasi, integriti, dan kebolehpercayaan bukti digital. Selain itu, penyediaan garis panduan kehakiman (judicial practice direction) serta latihan teknikal kepada hakim dan pegawai pendakwaan Syariah wajar diperkenalkan bagi meningkatkan kecekapan mereka dalam menilai bukti digital yang kompleks.

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini menegaskan bahawa penerimaan bukti digital dalam sistem perundangan Islam bukan sahaja perlu dilihat dari sudut kebolehterimaan undang-undang, tetapi juga dari perspektif etika, keadilan, dan *maqasid al-Syariah*. Dengan adanya mekanisme perundangan yang mantap dan sejajar dengan perkembangan teknologi, Mahkamah Syariah akan dapat berfungsi dengan lebih efektif, relevan dan dipercayai dalam era digital masa kini. Akhirnya, keseragaman dan saling melengkapi antara sistem sivil dan Syariah akan memperkukuh asas keadilan menyeluruh dalam ekosistem perundangan Malaysia.

Rujukan

- Ahmad Azam Mohd Shariff. (2009). *Jenayah moral dan kesusilaan di bawah undang-undang jenayah Syariah Malaysia: Pembuktian kes melalui qarinah rakaman foto dan video elektronik*. Makalah Undang-Undang, 3/2009. Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Zanibat, G. A.-M. (2005). *Al-khibrah al-fanniyyah fii ithbat al-tazwiir fii almustanadat al-khatiyyah fannan wa qanunan*. Amman: Dar Al-Thaqafah.
- Augustine, P. (2010). *Evidence: Practice and procedure* (p. 158). Selangor: LexisNexis Malaysia.
- Azmi, N. A. Z., Koldun, N. I., Saifuddin, S., & Mutalib, L. A. (2024, December). *Pemakaian keterangan dokumen elektronik dalam pembuktian: Kajian kes di Mahkamah Syariah Malaysia*. In *International Conference on Syariah, Law and Science (CFORSJ I-CONF)* (Vol. 2, No. 1, pp. 571–582).
- Bowen, G. A. (2009). Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative Research Journal*, 9(2), 27–40. <https://doi.org/10.3316/QRJ0902027>
- Ismail, W. A. F. W. (2016). Penerimaan dan kekuatan dokumen elektronik dalam pembuktian Mahkamah Syariah di Malaysia. *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 28(2), 338–355.
- Leavy, P. (2017). *Research design: Quantitative, qualitative, mixed methods, arts-based, and community-based participatory research approaches*. New York: The Guilford Press.
- Mahmod, Z., & Buang, A. H. (2022). Perkembangan penggunaan teknologi maklumat di Mahkamah Syariah Malaysia: The development of information technology application in the Shariah Court of Malaysia. *Journal of Shariah Law Research*, 7(1), 85–106.
- Mahmod, Z., & Buang, A. H. (2022). Transformasi teknologi elektronik melalui aplikasi sistem e-Syariah dan i-Syariah dalam sistem pengurusan Mahkamah Syariah di Malaysia. *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 34(1), 45–74.
- Mahmud Saedon A. Othman. (2003). *Undang-undang keterangan Islam* (pp. 1–40). Selangor: Dawama Sdn. Bhd.
- Masum, A., Ahmad, M. H., & Nafees, S. M. M. (2021). Covid-19 and freedom of movement: A case study of the Malaysian Federal Constitution. *Legal Network Series*.
- Merriam-Webster. (2024). *Definition of Deepfake*. Merriam-Webster Dictionary. <https://www.merriam-webster.com/dictionary/deepfake>
- Mohamad Azhan Yahya, Ahmad Azam Mohd Shariff, & Mohd Abu Hassan Abdullah. (2017). Keterangan dokumen elektronik di Mahkamah Syariah: Analisis berkaitan definisi serta kebolehterimaannya di sisi prinsip Syariah di Malaysia. *Current Legal Issues*. Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Ismail Hj. Mohamad Yunus. (2006). Kedudukan bahan bukti (exhibit) elektronik dan digital dalam keterangan: Masalah dan cabaran masa kini. *The Journal of Malaysian Bar (INSAF)*, 35(1).
- Saifuddin, S., Hashim, F. Y., Zahir, M. Z. M., & Ab Halim, A. H. (2025). Enforcement of Sharia criminal offences in cyberspace: Challenges from Malaysian legal perspective. *Prophetic Law Review*, 7(1), 25–46. <https://doi.org/10.20885/PLR.vol7.iss1.art2>
- Suhaizad, S. (2025). Darjah pembuktian bagi pensabitan kes: Analisis perbandingan menurut perspektif Islam dan sistem perundangan. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 34(3).
- Suhaizad, S., Ali Tajuddin, H. H., Mohd Arif, M. I. T. A., Abdul Rahim Ali Al-Maslawi, F., & Sefriani. (2025). The challenges of enforcement for Syariah criminal offences pertaining to aqidah on social media / Cabaran penguatkuasaan kesalahan jenayah Syariah berkaitan akidah di media sosial. *Islāmiyyāt*, 47(1), 194–204. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2025-4701-16>

- Suhaizad, S., Markom, R., & Muhamad, M. M. (2019). Kaedah pembuktian dalam undang-undang keterangan Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil di Malaysia: Suatu kajian perbandingan. *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 31(1), 1–34.
- Wan Ismail, W. A. F., Abdul Mutalib, L., Baharuddin, A. S., Abdullah Kahar, N. S., & Alias, M. A. A. (2023). Keperluan prosedur operasi standard dalam penerimaan dokumen digital di Mahkamah Sivil Malaysia. *UUM Journal of Legal Studies (UUMJLS)*, 14(1), 365–390.
- Zakariya, N. (2020). The impact of COVID-19 pandemic on the administration of justice in Malaysia. *The Round Table*, 109(6), 752–753.